

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 29/9/2009

Dr. M selesa jadi penasihat melalui blog, ucapan

KUALA LUMPUR 28 Sept. – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau lebih selesa menyuarakan pandangan serta nasihat mengenai banyak perkara terutama isu-isu negara melalui blognya dan ucapan-ucapan yang disampaikan di majlis-majlis awam.

Katanya, beliau tidak mempunyai

sebarang perancangan untuk menjadi penasihat rasmi kepada kerajaan ataupun parti seperti yang dicadangkan beberapa pihak.

“Saya memang sudah bagi nasihat melalui blog dan ucapan. Saya bagi nasihat pada semua orang... saya adalah penasihat am kepada seluruh negara.

“Sama ada anda suka nak dengar nasihat dan pandangan saya, saya tak peduli saya bagi saja,” katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan di Persidangan Pentadbiran Korporat 2009 di sini hari ini.

Beliau mengulas cadangan Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa

Malaysia (Perkasa), Datuk Ibrahim Ali semalam supaya Dr. Mahathir dilantik menjadi penasihat kerajaan dan parti.

Ibrahim berkata, ia bagi membolehkan bekas Perdana Menteri itu menyampaikan pandangan secara tertutup agar tidak dieksploitasi pihak ketiga.

Dr. Mahathir berkata, cadangan Ibrahim yang disokong beberapa pihak lain itu hanyalah merupakan pendapat Ahli Parlimen Pasir Mas itu.

“Itu pendapat dia. Buat masa ini saya memang tidak ada perancangan untuk mahu jadi penasihat kepada kerajaan,” katanya.

um-29/9/2009

11